



No. Rujukan Tuan :
No. Rujukan Kami : (42) JP/PP/(Ph) 19/19
Tarikh : 11 Mei, 2006

Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
(Penang Bar Committee)
No. 4, Tingkat 1,
10200 Green Hall
Pulau Pinang

Tuan,

**PERATURAN PERJUMPAAN PEGUAM DENGAN BANDUAN
DI PENJARA PULAU PINANG**


Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Bil. E.318 bertarikh 15 Oktober 1998, menggariskan beberapa peraturan pengurusan perjumpaan terhadap 'banduan'.
3. Bagi maksud Perintah Tetap ini tafsiran 'banduan' adalah berdasarkan kepada seksyen 2(1) Akta Penjara 1995 iaitu 'banduan' ertinya seseorang sama ada disabitkan atau tidak, yang dikurung dalam sesuatu penjara.
4. Peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah seperti berikut:-
 - 4.1 Permohonan bertulis daripada peguam untuk berjumpa banduan di penjara hendaklah dimajukan lebih awal iaitu (3) hari sebelum perjumpaan kepada Pegawai Yang Menjaga (Pengarah) atau timbalannya (Penguasa Penjara) untuk tujuan penyemakan dan tapisan. (Hari-hari bekerja sahaja)
 - 4.2 Dalam surat permohonan, peguam hendaklah menyatakan nama peguam, alamat institusi guaman serta sebab-sebab hendak membuat perjumpaan dengan banduan.
 - 4.3 Perjumpaan adalah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada banduan sama ada ingin mendapat khidmat peguam tersebut ataupun sebaliknya.

- 4.4 Permohonan daripada peguam mestilah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pegawai yang Menjaga atau Timbalannya.
 - 4.5 Bagi kes-kes yang perlu dibicarakan segera oleh pihak mahkamah, permohonan secara bertulis diperlukan segera sama ada melalui pos atau fax serta mendapat kelulusan daripada Pegawai Yang Menjaga.
 - 4.6 Peguam hanya dibenarkan berjumpa (1) orang banduan sahaja pada satu-satu perjumpaan. (Atas sebab keselamatan).
 - 4.7 Jangkamasa satu perjumpaan adalah ditetapkan tidak melebihi (1) jam. Jika jangkamasa tambahan diperlukan, peguam hendaklah mengemukakan alasan-alasan yang munasabah dan konkrit untuk dipertimbangkan oleh Pegawai Yang Menjaga.
 - 4.8 Masa perjumpaan hanya dibenarkan pada waktu pejabat sahaja dan tidak dibenarkan pada hujung minggu, hari-hari kelepasan dan cuti am.
 - 4.9 Lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh Pegawai Yang Menjaga dari masa ke semasa.
5. Peraturan-peraturan yang ditetapkan di atas adalah bertujuan, untuk memudahkan dan melicinkan proses perjumpaan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(IBRISAM BIN ABDUL RAHMAN) PKKP
Pengarah
Penjara Pulau Pinang.

s.k: Semua Peguam